

CNS5041

R GB 22-08 00146 BA197

aab

Mahathir - Arqam

WANITA DIJADIKAN "HAMBА SEKS" OLEH AL-ARQAM, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata al-Arqam telah digunakan oleh pemimpin-pemimpinnya untuk memuaskan nafsu mereka dengan menjadikan kaum wanita lebih kurang sebagai "hamba seks".

"Tumpuan golongan Arqam ini adalah terhadap seks walaupun mereka nampaknya tertumpu kepada ajaran Islam," kata beliau.

Beliau berkata, sebenarnya, mereka (pemimpin-pemimpin al-Arqam) lebih menumpukan perhatian kepada memuaskan nafsu seks mereka sahaja dengan "bertukar-tukar" isteri dengan cara kahwin-cerai.

"Saya telah dengar bahawa mereka kahwin cuma sekejap sahaja...ada yang hanya 24 jam sahaja (kahwin)," kata beliau ketika menjawab pertanyaan pemberita mengenai laporan bahawa pemimpin al-Arqam Ashaari Muhammad berhasrat untuk pulang ke Malaysia tidak lama lagi.

Beliau berkata demikian selepas melawat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini. -- Laqi.

▼22/08/17-24MST

CNS5042

R GB 22-08 00136 BA198

aab

Mahathir - Arqam 2 Kuala Lumpur

"Ini pada pendapat kita adalah pelacuran secara sah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau telah menerima laporan bahawa ada beberapa ketika anggota pergerakan itu akan menceraikan isteri mereka dan "kahwinkan" bekas isteri mereka kepada anggota al-Arqam yang lain.

"Kita dapat cerita bahawa kadang-kadang dikahwinkan seorang, selepas dah jemu, cerai dan orang itu dikahwinkan dengan anggota Arqam lain. Dan bila jemu dikahwinkan pula kepada anggota Arqam yang lain," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu menggambarkan bahawa al-Arqam menumpukan perhatiannya kepada seks walaupun anggota wanita pergerakan itu memakai pakaian sehingga bertutup muka mereka kononnya berlagak sebagai orang Islam yang begitu patuh kepada ajaran Islam.

"Tetapi sebenarnya mereka (Arqam) tertumpu kepada memuaskan nafsu mereka," kata beliau lagi. -- Laqi.

▼22/08/17-24MST

CNS5043

R GB 22-08 00119 BA199

aab

Mahathir - Arqam 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, apa yang jelas dilakukan oleh pergerakan itu ialah membawa dan mengajar anggota-anggotanya bahawa mereka patut kahwin "dua, tiga atau empat orang (isteri)".

Dalam kes Ashaari, beliau berkata, pemimpin al-Arqam itu telah berkahwin "lebih daripada itu (lebih daripada empat orang)".

"Mungkin pada suatu ketika cuma empat (orang isteri) tetapi dia cerai, kawin, cerai, kawin," kata beliau.

Beliau berkata, dalam setiap agama, terdapat kumpulan seperti al-Arqam dan tumpuan mereka adalah terhadap wanita dan seks iaitu bagaimana hendak "menghalalkan" isteri yang ramai.

"Bila dia dapat pengaruh terutama pengaruh di kalangan wanita, dia mula nak memperkosakan wanita," kata beliau. -- Laqi.

▼22/08/17-25MST

CNS5075

R GB 22-08 00153 BA202

aab

Mahathir - Arqam 4 Kuala Lumpur

Menegenai laporan sebuah agensi berita semalam yang memetik Pengerusi Nahdatul Ulama Indonesia Abdurrahman Wahid sebagai berkata bahawa beberapa orang pemimpin al-Arqam pernah ditawarkan jawatan dalam UMNO, Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah berbuat demikian.

"Setakat yang saya tahu, kita (UMNO) tidak pernah tawar apapun kepada Arqam melainkan kalau orang lain (dalam UMNO) membuatnya (tawaran itu)," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak akan menyangkal bahawa orang lain dalam UMNO mungkin menawarkan jawatan kepada anggota Arqam.

"Mungkin benar...Dulu dia (Arqam) tidak menyeleweng," kata beliau dan menambah kata bahawa pada kebiasaannya pergerakan seperti al-Arqam pada mulanya "betul".

"Ketika itu kita terima...Kita boleh bekerjasama tetapi kemudian bila ketuanya sudah begitu berpengaruh dan boleh suruh pengikutnya buat apa sahaja, ketika itu dia mula menyeleweng daripada apa yang benar dan dia bawa ajaran-ajaran yang lebih mengutamakan dirinya," kata beliau. -- Lagi.

▼22/08/17-41MST

CNS5078

R GB 22-08 00152 BA203

aab

Mahathir - Arqam 5 Kuala Lumpur

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Ashaari tidak pernah meminta untuk menyertai UMNO sebab "dia ingat dia lebih besar daripada UMNO".

Menegenai hasrat Ashaari untuk pulang ke tanah air secepat mungkin dan sama ada sebarang tindakan undang-undang akan diambil terhadap beliau sebaik sahaja dia tiba di sini, Dr Mahathir menqulangi bahawa terpulanglah kepada pihak berkuasa sama ada untuk mengambil tindakan terhadap Ashaari.

Sementara itu, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor berkata, Ashaari perlu mematuhi peraturan dan undang-undang negara sebaik sahaja beliau memasuki negara ini.

"Apabila dia mendarat malah apabila dia menyeberangi udara Malaysia, undang-undang negara telah berlaku terhadapnya dan dia harus patuh kepada apa yang disebut undang-undang itu," katanya.

Rahim berkata, undang-undang negara bukan hanya setakat akta yang dibuat di Parlimen tetapi turut merangkumi fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. -- Lagi.

▼22/08/17-42MST

aab

Mahathir - Arqam 6 (akhir) Kuala Lumpur

Katanya, bagaimanapun sehingga kini tidak ada waran tangkap yang dikeluarkan terhadap Ashaari.

Rahim berkata, daripada laporan perisik yang diperolehi, Ashaari telah meminta anggota kumpulannya di peringkat atas dan bawah supaya bertenang dan mematuhi peraturan serta undang-undang negara.

"Jika dia boleh menyuruh pengikutnya bersabar dan mematuhi peraturan, dia sendiri juga perlu melakukan perkara yang sama," katanya.

Beliau berkata, sebagai seorang ketua yang bertanggungjawab, Ashaari perlu pulang dan membetulkan keadaan serta pegangan anak buahnya yang telah terpesong berdasarkan fatwa yang dikeluarkan.

Mengenai kemungkinan Ashaari kini berada di Thailand dan akan pulang ke Malaysia, beliau berkata, polis masih cuba mendapatkan pengesahan daripada pihak berkuasa di Thailand mengenai perkara itu.

"Sehingga kini kami masih belum mendapat pengesahan mengenainya," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun Ashaari terpaksa pulang kerana Malaysia adalah negaranya dan dia tidak boleh hidup dalam keadaan "terapung" (tanpa negara) tambahan pula Ashaari hanya mempunyai pasport Malaysia. -- Bernama

ES SN AM NMO

▼22/08/17-43MST